

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN
AWANG [MARANG]**

TARIKH : 24 NOVEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG [MARANG] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah kesan positif kepada kadar pengangguran dalam kalangan belia melalui pelaksanaan pakej rangsangan PRIHATIN, PRIHATIN PKS Tambahan dan PENJANA.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli-Ahli Dewan Yang Mulia ini, Kerajaan telah berusaha untuk membendung penularan wabak COVID-19 dan juga impak kepada sektor ekonomi negara.
2. Bagi menstabilkan ekonomi negara dan juga membantu majikan yang terkesan dapat mengekalkan pekerja mereka, Kerajaan telah memperkenalkan beberapa inisiatif di bawah Pakej PRIHATIN, PRIHATIN PKS Tambahan, PENJANA dan Kita PRIHATIN.
3. Menerusi inisiatif tersebut di atas, kesan positif yang dapat dilihat adalah Kerajaan telah berjaya mengurangkan kadar pengangguran **termasuk kalangan belia** dari 5.3% pada bulan Mei 2020 kepada 4.7% pada bulan Ogos 2020. Keadaan ini dapat kita lihat di mana kes kehilangan pekerjaan turut menunjukkan penurunan setiap bulan bermula pada bulan Julai 2020 iaitu 16,660 kes. Rekod kehilangan pekerjaan paling tinggi dicatatkan pada bulan Jun 2020 iaitu **18,579** kes. Angka ini telah menurun setiap bulan dan pada bulan Oktober 2020, kes kehilangan pekerjaan adalah sebanyak **7,310** pekerja.

Sekian, terima kasih.